



## BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL

**MS ISO 15189:2022**

### **MAKMAL PATOLOGI ORAL HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Disediakan oleh:	Pn. Noor Hazrita Che Teh
Diluluskan oleh:	Dr. Masitah Hayati Harun
Tarikh edisi :	01.03.2024

<b>MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA</b>		
<b>BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HUSM/OPATH/BPM)</b>	Muka surat	i
	Versi	1

## ISI KANDUNGAN

<b>MUKA SURAT</b>	<b>PERKARA</b>
i	Isi Kandungan
1	1.0 Pengenalan 1.1 Lokasi Makmal Patologi Oral 1.2 Legal Entiti
2	2.0 Polisi Kualiti MS ISO 15189 2.1 Objektif Kualiti Makmal Perubatan Hospital USM 2.2 Petunjuk Kualiti Makmal Patologi Oral
3	3.0 Perkhidmatan Makmal Patologi Oral 3.1 Waktu Operasi
4	4.0 Maklumbalas Pelanggan dan Kajian Kepuasan Pelanggan 4.1 Nombor untuk dihubungi
5	5.0 Panduan Pengambilan dan Pengendalian Spesimen Tisu bagi Ujian Histopatologi
6	6.0 Tatacara Permohonan Ujian Histopatologi
7	7.0 Kriteria Penerimaan dan Penolakan Spesimen 7.1 Kriteria Penerimaan Spesimen 7.2 Kriteria Penolakan Spesimen
8	8.0 Laporan 8.1 Laporan Histopatologi 8.2 Pengeluaran <i>Supplementary</i> dan <i>Revise Report</i> 8.3 Perolehan Semula Laporan Histopatologi 8.4 <i>Clinico-Pathological Conference</i> (CPC)
9 - 12	9.0 Tatacara Permohonan Ujian Histopatologi LIS
13 - 15	10.0 Tatacara Semakan Laporan Histopatologi
16	11.0 Carta Alir Proses Kerja Makmal Patologi Oral

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	1 / 16
	Versi	1

## 1.0 PENGENALAN

Makmal Patologi Oral telah ditubuhkan pada tahun 2013. Pada awal penubuhannya, makmal ini dikenali sebagai Makmal Sains Kraniofasial (MSK) yang terbahagi kepada dua bahagian: iaitu perkhidmatan diagnostik patologi oral dan penyelidikan. Bermula tahun 2013, bahagian perkhidmatan diagnostik telah diwujudkan secara berasingan di bawah sistem pengurusan kualiti yang baru dan dikenali sebagai Makmal Patologi Oral, manakala bahagian penyelidikan kekal dengan nama Makmal Sains Kraniofasial.

Perkhidmatan diagnostik yang ditawarkan sejak penubuhannya adalah perkhidmatan *Histopathological Examination* (HPE) dan merupakan sebahagian daripada perkhidmatan makmal perubatan, Hospital Universiti Sains Malaysia (Hospital USM). Makmal Patologi Oral telah menerima akreditasi MS ISO 15189:2014 (*Medical Laboratories – Requirements for quality and competence*) dari Jabatan Standard Malaysia (DSM) sejak tahun 2014. Bermula 1 Mac 2024, Makmal Patologi Oral bersama-sama Makmal Perubatan Hospital USM yang lain sedang dalam proses transisi ke MS ISO 15189:2022 (versi baru).

### 1.1 LOKASI MAKMAL PATOLOGI ORAL

Makmal Patologi Oral terletak di Aras 1, Pusat Pengajian Sains Pergigian, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan. (Makmal Patologi Oral berada di ruangan Makmal Utama di dalam MSK)



Sebarang urusan surat-menyurat boleh dihantar ke alamat berikut:

Makmal Patologi Oral  
Pusat Pengajian Sains Pergigian  
Universiti Sains Malaysia Kampus Kesihatan  
16150 Kubang Kerian  
Kelantan, Malaysia

### 1.2 LEGAL ENTITI

Hospital USM (termasuk rangkaian makmal perubatan) adalah merupakan Hospital Kerajaan di bawah bidang kuasa Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA			
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HUSM/OPATH/BPM)		Muka surat	2 / 16
		Versi	1

## 2.0 POLISI KUALITI MS ISO 15189

"Makmal Perubatan Hospital USM bertekad untuk mengamalkan nilai profesionalisme demi memastikan tahap perkhidmatan makmal memenuhi kehendak pelanggan mengikut tahap antarabangsa. Makmal Perubatan Hospital USM juga beriltizam untuk mengamal dan sentiasa menambahbaik sistem pengurusan ke arah kecemerlangan perkhidmatan dan kesejahteraan pelanggan"

*"The Hospital USM medical laboratories are committed to practice good professionalism and ensure the standard of laboratory services satisfies the expectation of customers in accordance with the international standard. The laboratories pledge to maintain and continually improve its management system in order to ensure excellence in the provision of laboratory services and patients safety"*

## 2.1 OBJEKTIF KUALITI MAKMAL PERUBATAN HOSPITAL USM

BIL	QUALITY OBJECTIVES	EFFECTIVE DATE
1	Each laboratory shall pass at least 80% achievement of their rejection rate monitoring according to their quality indicator.	01.03.2024
2	Each laboratory shall pass at least 80% achievement of their TAT monitoring according to their quality indicator.	01.03.2024
3	At least 80% of participations in proficiency testing (external quality assurance) are satisfactory for all accredited scope	01.03.2024

## 2.2 PETUNJUK KUALITI MAKMAL PATOLOGI ORAL

BIL	PROSES	PETUNJUK KUALITI
1	Pre-examination	Bilangan sampel yang ditolak kurang daripada 10%
2	Examination	Pencapaian skor bagi ujian EQA (RCPQAP - technical module) tidak kurang daripada 2.5
3	Post-examination	80% daripada keseluruhan keputusan ujian histopatologi dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>Kes rutin (biasa) dalam tempoh 10 hari bekerja</li> <li>Kes rutin (rumit) dalam tempoh 20 hari bekerja</li> <li>Kes segera (biasa) dalam tempoh 5 hari bekerja</li> <li>Kes segera (rumit) dalam tempoh 15 hari bekerja</li> </ol>

### Nota:

- i. Kes rumit merupakan kes surgikal atau yang melibatkan prosedur tambahan seperti hirisan bersiri, dekalsifikasi, pewarnaan khas, pewarnaan imunohistokimia, memerlukan *second opinion* dan kes rujukan dari luar Hospital USM.
- ii. Pewarnaan Khas dan Imunohistokimia dilakukan di Makmal Patologi, Hospital USM.

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	3 / 16
	Versi	1

### 3.0 PERKHIDMATAN MAKMAL PATOLOGI ORAL

Makmal Patologi Oral memberikan perkhidmatan diagnostik seperti berikut:-

#### ***FIELD OF MEDICAL TESTING: HISTOPATHOLOGY (ORAL PATHOLOGY)***

#### ***SCOPE OF ACCREDITATION:***

<b><i>Specimen Tested</i></b>	<b><i>Type of Tests / Properties Measured</i></b>	<b><i>Test Method, Specification / Equipment / Techniques Used</i></b>
<i>Surgical Oral Pathology (Formalin Fixed)</i>	<i>Histology Examination (Routine HPE)</i>	<i>Specimen Preparing and Staining as Documented in HUSM/OPATH/QP-02 and HUSM/OPATH/QP-02/STM-01</i>

Perkhidmatan diagnostik disediakan kepada pesakit yang dirawat di Hospital USM

- a) Klinik Pakar Pergigian (KPP-G)
- b) Klinik Rawatan Keluarga (Pergigian) (KRK-G)
- c) Klinik Pembelajaran Pergigian (Poliklinik A,B,C,D, klinik pascasiswazah)
- d) Bilik bedah (OT), wad, USAINS dan klinik-klinik lain dalam Hospital USM

Kos perkhidmatan yang ditawarkan adalah merujuk kepada Bendahari Hospital USM.

### 3.1 WAKTU OPERASI:

Hari Ahad sehingga Rabu : 8.10 pagi - 5.10 petang

Hari Khamis : 8.10 pagi - 3.40 petang

Hari Jumaat, Sabtu, cuti umum dan kelepasan am\* : Tutup

Nota : Penetapan cuti umum dan kelepasan am tertakluk kepada pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia.

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA			
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HUSM/OPATH/BPM)		Muka surat	4 / 16
		Versi	1

#### 4.0 MAKLUMBALAS PELANGGAN DAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN

Segala pertanyaan, aduan dan cadangan daripada pesakit atau pengguna perkhidmatan makmal boleh dibuat secara bertulis / lisan dengan menggunakan borang berkaitan, email atau telefon kepada Penyelaras Makmal atau Pegawai Maklumbalas Pelanggan, Makmal Patologi Oral sebagaimana berikut:

Alamat : Penyelaras Makmal / Pegawai Maklumbalas Pelanggan  
 Makmal Patologi Oral  
 Pusat Pengajian Sains Pergigian  
 Universiti Sains Malaysia Kampus Kesihatan  
 16150 Kubang Kerian  
 Kelantan, Malaysia  
 Telefon : 09-767 5780 / 5781  
 Email : patooral.usm@gmail.com

Pengguna perkhidmatan makmal perlu mengisi **Borang Maklumbalas Pelanggan (HUSM/LCD/QP- 08/R1)** yang diperolehi dari Makmal Patologi Oral. Borang perlu diserahkan kembali kepada pihak makmal untuk tindakan penambahbaikan perkhidmatan dan dokumentasi. Makluman berkenaan tindakan yang diambil oleh pihak makmal ke atas segala pertanyaan, aduan dan cadangan hanya akan diberikan kepada pengadu yang memberikan butiran lengkap. Sebarang pertanyaan, aduan dan cadangan yang tiada pengenalan diri tidak akan dilayan.

**Kajian Kepuasan Pelanggan** Makmal Patologi Oral dilakukan secara atas talian dengan mengisi borang di laman sesawang  
<https://forms.gle/dABXRgX9RG9gH3a18> atau dengan mengimbas  
**Kod QR** berikut :



Segala maklumbalas dan kajian kepuasan pelanggan adalah dihargai dan akan diambil tindakan mengikut prosedur yang ditetapkan (Pengurusan Maklumbalas Pelanggan dan Kajian Kepuasan Pelanggan - HUSM/LCD/QP-08).

#### 4.1 NOMBOR UNTUK DIHUBUNGI

##### Pakar Patologi Mulut

NAMA	EMAIL	TELEFON
Dr. Masitah Hayati Harun	masitahh@usm.my	09 - 767 5813
Dr. Nurhayu Ab Rahman	nurhayu@usm.my	09 - 767 5816
Dr. Norhaslina Mohd Rokemi	haslinakemi@usm.my	09 - 767 5858

**Kaunter penerimaan spesimen : 09 - 767 5780 / 5781**

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA			
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	5 / 16	
	Versi	1	

## 5.0 PANDUAN PENGAMBILAN DAN PENGENDALIAN SPESIMEN TISU BAGI UJIAN HISTOPATOLOGI

- a) Sebelum prosedur biopsi tisu dilakukan, pemeriksaan menyeluruh *extraoral* dan *intraoral* adalah mandatori.
- b) Segala penemuan klinikal seperti *Pulp Sensibility Test* dan radiografi (*PA, BW, DPT, CT-Scan, MRI, CB-CT*) dan keputusan makmal yang berkaitan perlu dinyatakan.
- c) *Clinical/Provisional diagnosis* serta segala maklumat klinikal berkaitan perlu diisi ke dalam borang *Oral Pathology Request Form (OPRF)* di bahagian yang disediakan.
- d) Kebenaran bertulis daripada pesakit perlu diambil setelah pesakit dimaklumkan mengenai penemuan diagnosis klinikal dan tujuan biopsi dibuat. Semua risiko komplikasi daripada prosedur seperti pendarahan, bengkak, kecederaan saraf dan sebagainya yang berkaitan perlu diterangkan kepada pesakit.
- e) Sewaktu pemberian anestetik setempat, elakkan mencucuk terus ke dalam lesi kerana ini boleh menyebabkan perubahan pada tisu/sel dan mempengaruhi diagnosis.
- f) Tisu hendaklah dipegang dengan benang sutur atau *non-toothed tissue forceps* agar *crush artifact* dapat dielakkan. Biopsi tisu menggunakan *electrocautery* hendaklah dielakkan kerana ini akan menyebabkan *coagulative necrosis artifact* pada tisu biopsi.
- g) Saiz sampel juga mestilah tidak terlalu kecil bagi mengelakkan tidak cukup tisu untuk diproses/dilaporkan.
- h) Bagi lesi yang besar atau tidak *homogenous*, *multiple site biopsy* hendaklah dilakukan. Setiap spesimen perlu dimasukkan ke dalam botol berasingan dan dilabel dengan jelas.
- i) Spesimen hendaklah dimasukkan ke dalam bekas spesimen yang mengandungi 10% *buffered formalin* dengan nisbah (1 bahagian tisu : 10 bahagian formalin). Pastikan saiz bekas spesimen yang digunakan adalah bersesuaian dan spesimen terendam sepenuhnya di dalam larutan formalin.

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	6 / 16
	Versi	1

## 6.0 TATACARA PERMOHONAN UJIAN HISTOPATOLOGI

- a) Permohonan ujian boleh dilakukan secara talian melalui *Laboratory Information System (LIS)* <https://onelabcentre.kk.usm.my>. Sila rujuk **Tatacara Permohonan Ujian Histopatologi LIS** (mukasurat 9 – 12).
- b) Semua spesimen yang dihantar untuk ujian Makmal Patologi Oral hendaklah disertakan dengan borang permohonan yang diisi dengan lengkap. Untuk borang cetakan LIS, tandatangan dan cop pemohon tidak diperlukan TETAPI masih diperlukan bagi permohonan yang menggunakan borang manual.
- c) Bagi **kes segera** dan **kes USAINS** :
  - (i) Permohonan hanya boleh dibuat oleh doktor yang merawat. Kes berkenaan mestilah dimaklumkan kepada Pakar Patologi Mulut yang bertugas terlebih dahulu.
  - (ii) Pastikan ruangan ‘*Type of Case – Urgent*’ dipilih. Nama Pakar Patologi Mulut yang dihubungi, tarikh, masa permohonan dicatatkan pada borang OPRF oleh pemohon . Jika tidak terdapat maklumat seperti berikut, maka spesimen tersebut tidak dikira sebagai kes segera.
  - (iii) Bagi kes USAINS pula, pastikan nama Pakar Patologi Mulut yang dihubungi, tarikh, masa permohonan dicatatkan pada borang OPRF oleh pemohon walaupun ‘*Type of Case*’ yang dipilih adalah ‘routine’.

Nota :

- (i) Jika sistem LIS mengalami gangguan atau *downtime*, permohonan boleh dijalankan **secara manual** menggunakan borang manual Oral Pathology Request Form (OPRF) (RM 046/03/24 (P2). Borang OPRF boleh didapati di kaunter klinik dan OT atau boleh hubungi pihak makmal pada sambungan 5780/5781.
- (ii) Setiap permohonan kes segera dan USAINS akan diberi keutamaan di setiap peringkat (penerimaan, pemprosesan dan pengeluaran laporan keputusan histopatologi).
- (iii) Laporan lisan hanya boleh disampaikan oleh Pakar Patologi Mulut kepada doktor yang merawat. Staf kategori lain tidak dibenarkan menerima laporan tersebut untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dan kesilapan.

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA			
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HUSM/OPATH/BPM)		Muka surat	7 / 16
		Versi	1

## 7.0 KRITERIA PENERIMAAN DAN PENOLAKAN SPESIMEN

### 7.1 KRITERIA PENERIMAAN SPESIMEN

Maklumat berikut mestalah diisi dengan lengkap oleh pemohon ujian:

BORANG PERMOHONAN SPESIMEN	BOTOL SPESIMEN
<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Nama pesakit, tarikh lahir, etnik, RN, jantina, nombor telefon, nombor kad pengenalan (I/C), alamat dan unit/klinik.</li> <li>b) <i>Type of Case</i></li> <li>c) <i>Previous Examination / diagnosis</i></li> <li>d) <i>Clinical Information</i></li> <li>e) <i>Clinical diagnosis</i></li> <li>f) <i>Radiological Findings</i></li> <li>g) <i>Intra Operative Findings / Tagging of Specimen</i></li> <li>h) <i>Labelling of Specimen</i></li> <li>i) <i>Examination Required</i></li> <li>j) Nama <i>clinician</i>, No. MPM dan nombor telefon yang memohon</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Nama pesakit</li> <li>b) RN</li> <li>c) Unit/klinik</li> <li>d) Label pada spesimen</li> <li>e) Jenis spesimen</li> <li>f) Jenis ujian dipohon</li> <li>g) Tarikh/masa spesimen diambil</li> </ul>

### 7.2 KRITERIA PENOLAKAN SPESIMEN

- a) Tiada borang permohonan *Oral Pathology Request Form (OPRF)*.
- b) Ujian tidak ditawarkan oleh makmal.
- c) Jenis ujian tidak dinyatakan.
- d) Maklumat pada borang permohonan dan bekas spesimen tidak diisi dengan lengkap.
- e) Identifikasi pesakit pada borang permohonan dan bekas spesimen tidak sama.
- f) Label spesimen pada borang permohonan dan bekas spesimen tidak sama.
- g) Fiksatif yang digunakan adalah salah.

Nota:

- (i) Penolakan spesimen secara atas talian (LIS): JTMP mengisi borang penolakan di dalam LIS. Makluman perincian penolakan boleh dirujuk di dalam sistem <https://onelabcentre.kk.usm.my> .
- (ii) Penolakan spesimen secara manual: JTMP mengisi borang HUSM/OPATH/QP-01/R-05. Makluman perincian penolakan diberikan secara lisan.

<b>MAKMAL PATHOLOGI ORAL, HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA</b>			
<b>BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HUSM/OPATH/BPM)</b>	Muka surat	8 / 16	
	Versi		1

## 8.0 LAPORAN

### 8.1 LAPORAN KEPUTUSAN HISTOPATOLOGI

- a) Laporan keputusan histopatologi perlu disahkan oleh Pakar Patologi Mulut.
- b) Pihak wad/klinik boleh mengetahui status laporan keputusan histopatologi dengan menghubungi talian 09-7675780/5781.
- c) Pihak klinik boleh melihat laporan keputusan histopatologi secara atas talian menggunakan sistem <https://onelabcentre.kk.usm.my> jika laporan telah divalidasi oleh OP. Sila rujuk **Tatacara Semakan Laporan Keputusan Histopatologi** (mukasurat 13-15).
- d) Laporan keputusan histopatologi juga boleh diperolehi secara manual jika sistem mengalami *downtime*. Wakil yang menerima laporan keputusan histopatologi perlu menandatangani buku **Buku Rekod Despatch Result Rutin dan USAINS (HUSM/OPATH/QP-03/R-01)** sebagai bukti rekod penerimaan.
- e) Penyimpanan laporan keputusan histopatologi di dalam folder pesakit adalah tanggungjawab doktor yang merawat.

### 8.2 PENGELUARAN SUPPLEMENTARY DAN REVISED REPORT

Laporan tambahan boleh dikeluarkan sekiranya terdapat:

- a) Tambahan maklumat kepada laporan asal, contohnya keputusan ujian khas - **SUPPLEMENTARY REPORT**.
- b) Penemuan atau diagnosis baru yang dibuat setelah berlaku semakan semula kes, atau pindaan kepada laporan asal akibat kesilapan pada laporan asal yang dikeluarkan sebelumnya - **REVISED REPORT**.

### 8.3 PEROLEHAN SEMULA LAPORAN KEPUTUSAN HISTOPATOLOGI

Pihak wad/klinik perlu mengisi borang **Borang Permohonan Salinan Laporan & Data Pesakit (HUSM/OPATH/QP-04/R-08)** untuk mendapatkan kelulusan daripada Penyelaras Makmal sekiranya memerlukan semula laporan keputusan histopatologi makmal yang telah dilaporkan.

### 8.4 CLINICO-PATHOLOGICAL CONFERENCE (CPC)

Pihak *clinician* boleh membuat permohonan untuk diadakan CPC dengan menghubungi Pakar Patologi Mulut yang bertugas (rujuk prosedur 4.1 NOMBOR UNTUK DIHUBUNGI) dan maklumkan cadangan tarikh, masa dan tempat.

**MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL  
(HUSM/OPATH/BPM)**

Muka surat	9 / 16
Versi	1

**9.0 Tatacara Permohonan Ujian Histopatologi LIS**

1. Log in ke sistem menggunakan pautan  
<https://onelabcentre.kk.usm.my>

2. Nombor Staf adalah *default password* untuk pengguna.

Nota: Walaubagaimanapun, kata laluan boleh ditukar dengan melayari *link website* <http://identiti.kk.usm.my/sessions/new>

Amaran: Jangan kongsi kata laluan  
Gunakan pelbagai kombinasi  
huruf, nombor dan karakter khas  
seperti ‘-’, ‘@’ dll dalam menukar  
kata laluan bagi menguatkan  
keselamatan peranti dan akaun  
anda.

**List of Access Stations**

Please select on station list below to access station's dashboard.

Clinic/Ward :

- Please Select -

3. Kenal pasti lokasi klinik / Wad.

4. Sila pilih lokasi dengan tepat.

Nota: Klinik/Wad yang dipilih akan direkodkan sebagai lokasi spesimen diambil pada *Oral Pathology Request Form (OPRF)*.

5. “Pop up Confirmation” akan muncul.  
Sila baca dengan teliti maklumat yang ditunjukkan.

Nota: Setelah lokasi disahkan, apa-apa isu yang melibatkan spesimen/ujian (seperti penolakan dan keputusan panik) akan dirujuk ke lokasi ini.



**Confirmation**

KLINIK PAKAR PERGIGIAN (GIGI-KPP)  
will be recorded as location of specimen collection.

Once location confirm, anything issue involving  
specimen/test (such as rejection and panic result) will be  
referred to this location.

Are you sure to proceed?





Yes

No





**MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL  
(HUSM/OPATH/BPM)**

Muka surat	10 / 16
Versi	1

	<p>6. Klik "Change Station" jika ingin menukar lokasi.</p>
	<p>7. Klik "Search Patient".</p> <p>8. Masukkan RN pesakit yang dikehendaki.</p>
	<p>9. Klik "Create Order".</p>
	<p>10. Pada ruangan <i>Patient Demographic</i>, Masukkan No. MPM clinician.</p> <p>11. Sila Pilih Makmal Patologi Oral. (<b>ORALPATH-PATOLOGI ORAL</b>)</p> <p>Nota: Jika pengguna adalah <i>clinician</i>, sistem akan <i>auto detect</i> MPM No.</p>
	<p>12. Pada ruangan Order Form Oral Path Test, sila pilih lokasi kes pesakit dirujuk.</p>
	<p>13. Kenal pasti "Type of case".</p> <p>14. Jika kes yang dipilih adalah Urgent, sila pilih nama Pakar Patologi Mulut (OP) Makmal Patologi Oral yang dihubungi pada kotak <i>Pathologist Notified</i>.</p> <p>15. Sila pilih tarikh dan masa OP dihubungi pada kotak 'Notified Date'.</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Jika Kes USAINS, ikuti langkah yang sama dengan kes URGENT walaupun "Type of case" yang dipilih adalah 'Routine'</li> <li>(ii) Jika tidak terdapat maklumat seperti (14-15), maka spesimen tersebut tidak dikira sebagai kes <i>Urgent</i>.</li> </ul>

<b>MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA</b>		
<b>BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HUSM/OPATH/BPM)</b>	Muka surat	11 / 16
	Versi	1

	<p>16. Pada ruangan “Examination Required” Klik untuk pilih setiap maklumat di dalam kotak.</p>
	<p>17. Sila masukkan nombor telefon doktor yang merawat pesakit. Nota: No telefon bimbit / sambungan (ext)</p>
	<p>18. Sila masukkan “Clinical Information” pesakit.</p>
	<p>19. Sila masukkan “Clinical Diagnosis” Pesakit.</p>
	<p>20. Sila masukkan “Intra Operative Findings / Tagging of Specimen” Nota: (i) Sila nyatakan petunjuk setiap benang pada spesimen jika spesimen dihantar bersama benang. (ii) Sila masukkan “NIL” jika tidak memerlukan sebarang maklumat.</p>

**MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL  
(HUSM/OPATH/BPM)**

Muka surat

12 / 16

Versi

1

**\* Labelling of Specimen :**

*(Please ensure labelling of specimen tally with labelling on specimen bottle.)*

Please enter Labelling of Specimen

21. Sila masukkan “Labelling of Specimen”

Nota : Sila pastikan label spesimen pada OPRF adalah sama dengan label pada botol spesimen.

**\* Radiological Findings :**

*(For hard tissue lesion, please provide all the imaging finding/s relevant to the case e.g OPG, Intraoral X-ray, CBCT, CT-Scan, ultrasound, etc)*

Please enter Radiological Findings

22. Sila masukkan “Radiological Findings”

Nota: Sila masukkan “NIL” jika tidak memerlukan sebarang maklumat.

**Oral Image :**

**\*\* Instructions : 1. Print image --> 2. Draw on printed image -->**

File :

**Choose File**

No file chosen

23. Sila muat turun satu gambar spesimen berbentuk lakaran gambar rajah ataupun yang berkaitan (jika perlu).

Nota:

1. Print image -->
2. Draw on printed image -->
3. Choose file (.jpeg/.jpg/.png) -->
4. Submit




24. Sila semak butiran yang diisi sekali lagi sebelum tekan “Submit”. Cetak OPRF, dan hantar OPRF bersama Spesimen ke kaunter Makmal Patologi Oral





Nota: Tekan “Reset” jika ingin mengisi semula butiran.

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	13 / 16
	Versi	1

## 10.0 Tatacara Semakan Laporan Keputusan Histopatologi

<p>1. Log in ke sistem menggunakan pautan  <a href="https://onelabcentre.kk.usm.my">https://onelabcentre.kk.usm.my</a></p> 	<p>2. Nombor Staf adalah <i>default password</i> untuk pengguna.</p> <p>Nota : Walaubagaimanapun, kata laluan boleh ditukar dengan melayari <i>link website</i> <a href="http://identiti.kk.usm.my/sessions/new">http://identiti.kk.usm.my/sessions/new</a></p> <p>Amaran : Jangan kongsi kata laluan.      Gunakan pelbagai kombinasi huruf, nombor dan karakter khas seperti ‘-’, ‘@’ dll dalam menukar kata laluan bagi menguatkan keselamatan peranti dan akaun anda.</p>
	<p>3. Kenal pasti lokasi klinik / Wad.</p> <p>4. Sila pilih lokasi dengan tepat.</p>
	<p>5. “Pop up confirmation” akan muncul. Sila baca dengan teliti maklumat yang ditunjukkan.</p> <p>Nota : Setelah lokasi disahkan, apa-apa isu yang melibatkan spesimen/ujian (seperti penolakan dan keputusan panik) akan dirujuk ke lokasi ini.</p>

<b>MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA</b>		
<b>BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HUSM/OPATH/BPM)</b>		Muka surat      14 / 16
		Versi      1


	<p>6. Klik “Change Station” jika ingin menukar lokasi.</p>
	<p>7. Klik “Search Patient”. 8. Masukkan RN pesakit yang dikehendaki.</p>
	<p>9. Sila rujuk pada bahagian “Order History”  Nota: <i>The test results for CDL (Serology) and Microbiology Laboratory, can only be viewed by Chief Nurse (KJ), Doctor, and Physician.</i></p>
	<p>10. Klik makmal “Oral Path”.  Nota: Nombor tersebut merujuk kepada jumlah keputusan laporan Histopatologi yang telah dimohon.</p>
	<p>11. Semua rekod laporan pesakit akan dipaparkan. Pilih nombor makmal pesakit yang ingin disemak. Seterusnya , klik “View” untuk melihat keputusan laporan.  Nota:  (i) Result Report : Laporan Keputusan Histopatologi (<i>Primary Report</i>) (ii) SUP.Report : Laporan tambahan yang dikeluarkan sekiranya terdapat maklumat tambahan setelah laporan keputusan histopatologi dikeluarkan. (iii) REV.Report : Laporan tambahan yang dikeluarkan sekiranya terdapat penemuan atau diagnosis baru yang dibuat setelah berlaku semakan semula kes, atau pindaan ekoran kesilapan pada laporan keputusan histopatologi yang telah dikeluarkan.</p>

**MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL  
(HUSM/OPATH/BPM)**

Muka surat 15 / 16

Versi 1



**12. Maklumat tambahan :**

- (i) Borang Permohonan Ujian Histopatologi Oral (OPRF) boleh dicetak dengan klik "Print" di bahagian "Order Form"
- (ii) Klik "Print" di bahagian "Sticker" untuk mencetak sticker.

<b>MAKMAL PATHOLOGI ORAL, HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA</b>		
<b>BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HUSM/OPATH/BPM)</b>	Muka surat	16 / 16
	Versi	1

## 11.0 CARTA ALIR PROSES KERJA MAKMAL PATHOLOGI ORAL

